PENDAKWA RAYA

lwn.

MOHAMED KASIM MAHMOOD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL AZIZ MOHAMAD H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-4-90]
20 JUN 1991

PROSEDUR JENAYAH: *Pernyataan beramaran - Tidak ditandatangani oleh tertuduh - Cara membuktikan pernyataan lisan dan pernyataan bertulis - Sama ada pernyataan itu dibuat dengan sukarela - Syarat-syarat merakamkan satu pengakuan salah - Akta Dadah Berbahaya 1952, s.37A - Kanun Prosedur Jenayah, ss. 113, 115.*

Tertuduh telah ditangkap pada 18 Jun 1989 di sebuah rumah di Sentul Kuala Lumpur. Apabila disoal-siasat oleh pihak polis di Cawangan Anti Dadah, CAD, tertuduh telah memberi maklumat mengenai suatu kotak yang kemudiannya pihak polis mendapati mengandungi ganja. Tertuduh telah diberi amaran sebagaimana diperuntukkan di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut) dan kemudiannya menjawab soalan-soalan pihak polis. Segala jawapan tertuduh telah direkod pada sekeping kertas dan ditandatangani oleh pegawai berkenaan tetapi tidak ditandatangani oleh tertuduh.

Semasa perbicaraan, tertuduh telah menafikan memberi pernyataan beramaran itu. Tertuduh juga mengatakan bahawa ia ditangkap pada 16 Jun 1989, bukan pada 18 Jun 1989. Keterangan ini telah disokong oleh isteri tertuduh. Walau bagaimanapun, berasaskan keterangan, Mahkamah berpuashati tertuduh ditangkap pada 18 Jun 1989 dan dibawa balik ke rumah berkenaan pada 19 Jun 1989 jam 1.30 pagi di mana pernyataan beramaran tertuduh itu diambil oleh pihak polis.

Yang menjadi isu ialah sama ada pernyataan beramaran tertuduh itu boleh diterima kerana ia tidak ditandatangani oleh tertuduh, dan sama ada pernyataan itu diberi dengan sukarela.

Diputuskan:

[1] Mengikut s. 37A Akta tersebut, satu pernyataan itu boleh dibuat secara lisan atau bertulis. Cara membuktikan pernyataan lisan ialah dengan memanggil orang yang mendengarnya untuk menyatakan apa yang didengar olehnya. Cara membuktikan pernyataan bertulis ialah dengan mengemukakan dokumen itu sendiri dan membuktikan bahawa orang itu telah menulisnya ataupun menandatanganinya.

[2] Suatu pernyataan yang direkodkan di bawah s. 113 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) tidak boleh diterima melainkan ia ditandatangani atau diletakkan cap jari orang yang membuat pernyataan itu.

[3] Pernyataan beramaran tertuduh itu tidak boleh dikemukakan sebagai pernyataan bertulis, tetapi ia boleh dikemukakan sebagai pernyataan lisan, tertakluk kepada keputusan Mahkamah tentang kebolehterimaannya.

[4] Mengenai isu kebolehterimaan pernyataan, perlu diingat bahawa tertuduh menafikan membuat pernyataan itu. Ia tidak membangkitkan isu kesukarelaanya. Walau bagaimanapun, oleh sebab Mahkamah telah memutuskan sebagai fakta bahawa tertuduh telah membuat pernyataan itu, Mahkamah dikehendaki juga menimbangkan soal kesukarelaan tertuduh membuatnya, sama ada terdapat apa-apa sebab di sisi undang-undang yang menjadikan pernyataan itu tidak boleh diterima.

[5] Tujuan s. 37A Akta tersebut dan s. 113 KPJ akan kecewa jika syarat-syarat pemakaiannya disamakan dengan syarat-syarat bagi merakamkan satu pengakuan salah mengikut s. 115 KPJ.

[6] Seksyen 113 KPJ dan 37A DDA membenarkan penerimaan pernyataan yang dibuat dalam pendengaran seorang pegawai polis, walaupun tertuduh ada dalam penguasaan polis, dan walaupun ia merupakan pengakuan salah atau dibuat dalam perjalanan penyiasatan polis.

[7] Mengenai isu bahawa pegawai polis yang mengambil pernyataan tertuduh adalah seorang yang terlibat aktif dalam penyiasatan, tidak ada apa-apa halangan mengenainya kerana Parlimen telah mengiktiraf pegawai polis berpangkat Inspector atau lebih sebagai pegawai yang layak dan beramanah dalam hal pernyataan beramaran. Jika ia dikatakan tidak boleh dipercayai, tertuduh hendaklah membuktikan, tidak secara teori semata-mata atas alasan bahawa ia terlibat dalam kes itu.

[8] Pernyataan amaran tersebut tidak boleh diterima sebagai pernyataan yang dibuat oleh tertuduh secara bertulis, tetapi pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh tertuduh boleh diterima sebagai pernyataan-pernyataan lisan dan dokumen IDE 1 boleh dimasukkan sebagai barang kes untuk menyokong (corroborate) pernyataan-pernyataan lisan itu.

[Perintah sewajarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Jayaraman & Ors. lwn. Public Prosecutor [1982] CLJ (Rep) 130 ***(dibezakan)***
PP lwn. Zakaria bin Isa [1978] 2 MLJ 35 ***(dipertimbangkan)***
Abdul Ghani bin Jusoh & Anor. lwn. Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 25 ***(dibezakan)***
Mohamed Yusof lwn. Public Prosecutor [1983] 2 MLJ 167 ***(dipertimbangkan)***
Public Prosecutor lwn. Mohd. Fuzi b. Wan Teh & Anor. [1989] 2 CLJ (Rep) 341 ***(dipertimbangkan)***
Lee Look lwn. Public Prosecutor [1985] 1 MLJ 240 ***(dipertimbangkan)***
Cheong See Leong lwn. Public Prosecutor [1948-49] MLJ Supp 56 ***(dipertimbangkan)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 37A(1)
Internal Security Act 1960, s. 75(1)
Evidence Act 1950, s. 24
Prevention of Corruption Act 1961, s. 15(1)
Criminal Procedure Code ss. 112(v), 113(1), 115(iii)
Emergency Regulation 1948, reg. 33

Sumber lain yang dirujukkan:
Sarkar on Evidence, Edisi Catatan Semula 1990

Timbalan pendakwa raya - Kamaruzaman
Yang dituduh - Jaya Mahesan (dibantu oleh Ravindra Nanukuttan)

PENGHAKIMAN

Abdul Aziz Mohamad H:

Fakta-fakta menurut saksi-saksi pendakwaan

Bagi maksud perbicaraan-dalam-perbicaraan ini, fakta-faktanya adalah seperti berikut.

Pada 18 Jun 1989, jam 11.30 malam, Inspektor Kamaruddin bin Abdul Rahman, bersama tiga orang anggota polis yang lain, telah pergi ke rumah No. 25A, Jalan 6/48, Taman Datuk Senu, Sentul, Kuala Lumpur. Mereka telah menangkap tertuduh di dalam rumah itu dan telah membawanya balik ke Cawangan Anti Dadah, Ibu Pejabat Kontinjen Polis, Kuala Lumpur, di mana tertuduh telah disoal-siasat. Dalam soal-siasat itu, tertuduh telah memberi maklumat tentang suatu kotak kertas bercap “Zip Lam Soon” di atas para di luar rumah itu, yang

mengandungi ganja. Pada jam 1.30 pagi 19 Jun 1989, iaitu kira-kira dua jam kemudian, tertuduh dan anggota-anggota polis yang sama tiba di rumah itu. Setibanya di sana Inspektor Kamaruddin terus nampak suatu kotak kertas, bercap "Zip Lam Soon", di atas para di hadapan rumah itu.

Setelah nampak kotak itu, Inspektor Kamaruddin telah memberi amaran kepada tertuduh dalam bentuk yang diperuntukkan oleh s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut). Inspektor Kamaruddin menyatakan bahawa dia telah menjelaskan kepada tertuduh tujuan amaran itu dan tertuduh telah mengakui memahami amaran itu. Inspektor Kamaruddin juga berkata bahawa pada masa itu, atau pada bila-bila masa lain pun, tidak ada sebarang dorongan (inducement), ugutan atau janji telah dibuat olehnya atau oleh pegawai polis lain kepada tertuduh. Tertuduh sendiri mengakui bahawa dia tidak didorong, diugut atau dijanjikan. Pengakuan ini dibuat kepada Inspektor Kamaruddin pada masa itu, menurut Inspektor Kamaruddin, dan juga semasa disoal-balas, apabila ia mengakui bahawa pihak polis tidak pernah membuat apa-apa dorongan, ugutan atau janji kepadanya pada bila-bila masa.

Setelah menyampaikan amaran itu, Inspektor Kamaruddin mengemukakan soalan kepada tertuduh sambil menunjukkan ke arah kotak tadi. Tertuduh menjawab, dan Inspektor Kamaruddin merakamkan soalan dan jawapannya di atas sekeping kertas. Selepas itu beliau meminta Detektif Mohd. Isa, salah seorang daripada tiga pegawai polis lain bersamanya, supaya menurunkan kotak itu dari atas para. Setelah memeriksa kotak itu, Inspektor Kamaruddin menyoal tertuduh sekali lagi. Tertuduh memberi jawapan, dan soalan dan jawapannya Inspektor Kamaruddin rakamkan di atas kertas yang sama. Inspektor Kamaruddin menandatangani kertas itu, tetapi tertuduh tidak. Kertas itu ditanda bagi maksud pengecaman sebagai IDE 1.

Sewaktu kejadian tersebut, tertuduh berada dalam keadaan bergari tangan di hadapan, dan tidak ada orang lain, sama ada jiran atau penghuni lain rumah berkenaan, bersama tertuduh dan pegawai-pegawai polis.

Fakta-fakta itu adalah sebagaimana diberi oleh Inspektor Kamaruddin, dengan disokong oleh Detektif Rosly bin Mohd. Yunus, iaitu seorang lagi anggota yang bersama Inspektor Kamaruddin. Keterangan mereka adalah konsisten dan tidak digoncang dalam soal-balas. Malah, semasa soal-balas, tidak terdapat apa-apa cubaan untuk mendiskreditkan mereka. Saya dikehendaki memutuskan sama ada jawapan-jawapan yang didakwa telah diberi oleh tertuduh kepada Inspektor Kamaruddin itu boleh diterima sebagai keterangan sebagai percakapan atau pernyataan beramaran (cautioned statement).

Penafian tertuduh

Tertuduh telah menafikan dia pernah memberi pernyataan beramaran kepada Inspektor Kamaruddin pada masa dia balik ke rumah itu dengan polis. Penafian itu semestinyalah melibatkan juga penafian tentang hal-hal keadaan (circumstances) lain berkaitan dengan pernyataan beramaran itu sebagaimana yang diceritakan oleh Inspektor Kamaruddin. Bagaimanapun, sebagaimana saya nyatakan tadi, tertuduh mengakui dia tidak pernah diberi sebarang dorongan, ugutan atau janji oleh pihak polis pada bila-bila masa jua. Tertuduh bukan sahaja menafikan kejadian tentang pernyataan beramaran itu, tetapi, lebih dari itu, dia menegaskan bahawa tarikh dia balik ke rumah itu dengan polis ialah dua hari sebelum tarikh yang diberi oleh Inspektor Kamaruddin, iaitu pada 17 Jun 1989, sewaktu hampir pagi. Dia menyatakan dia ditangkap pada jam 11 malam 16 Jun (yang disahkan hari Jumaat) dan bukan pada 18 Jun, sebagaimana dinyatakan oleh Inspektor Kamaruddin. Semasa disoal-balas, dia berkata dia telah balik ke rumah itu dua atau tiga jam selepas dia ditangkap. Ini adalah selaras dengan waktu 1.30 pagi yang diberi oleh Inspektor Kamaruddin. Tertuduh berkata bahawa dari 16 Jun hingga 18 Jun dia telah ditahan dalam lokap Balai Polis Stadium, dan dia telah dibawa keluar dari lokap itu untuk dibawa ke rumah yang berkenaan pada sebelah pagi 17 Jun.

Isteri tertuduh, Masrah binti Jariani, juga memberi keterangan bahawa tertuduh telah ditangkap pada 16 Jun, jam 11.30 pagi, dan telah dibawa balik oleh polis dua tiga jam kemudian.

Peguam bijaksana bagi tertuduh telah memohon supaya daftar lokap bagi Balai Polis Stadium diperiksa untuk menentukan sama ada, sebagaimana ditegaskan oleh tertuduh, beliau telah dimasukkan ke dalam lokap pada 16 Jun. Untuk memenuhi permintaan itu, pegawai penyiasat dalam kes ini, Inspektor Mat Nor bin Tahir, telah dipanggil untuk memberi keterangan. Beliau membawa bersamanya suatu rekod yang dipanggil senarai lokap bagi orang-orang salah yang belum dijatuhkan hukuman dan dua buah buku catatan harian balai bagi lokap Balai Polis Stadium. Saya telah memastikan bahawa peguam bijaksana telah diberi peluang memeriksa rekod-rekod itu semasa Mahkamah dalam rehat. Dengan persetujuan peguam dan Timbalan Pendakwa Raya, saya membuat keputusan bahawa rekod-rekod itu tidaklah perlu dimasukkan sebagai barang kes oleh kerana peguam bijaksana telah memeriksanya dan fakta yang hendak ditentukan bolehlah dibuktikan melalui keterangan lisan sahaja.

Menurut Inspektor Mat Nor, daripada rekod-rekod tersebut, dia dapati bahawa tertuduh telah dimasukkan ke dalam lokap Balai Polis Stadium pada 19 Jun 1989, jam 9.50 pagi. Menurut Inspektor Mat Nor, beliau sendirilah yang telah membuat arahan ke arah itu pada 4.45 pagi hari yang sama. Menurut rekod, pada jam 9.30 pagi 1 Julai 1989 tertuduh telah dibawa keluar dari lokap untuk dituduh di Mahkamah. Semasa soal-balas, peguam bijaksana bagi tertuduh tidak membangkitkan apa-apa persoalan tentang 16 Jun, tarikh tertuduh kata dia dimasukkan ke dalam lokap, atau 17 Jun, tarikh dia kata dia dikeluarkan dari lokap untuk dibawa balik ke rumah berkenaan. Adalah jelas implikasinya bahawa rekod-rekod itu tidak mengandungi apa-apa tanda bahawa tertuduh telah dimasukkan ke dalam lokap pada 16 Jun sebagaimana didakwa olehnya. Jika ada, tentulah peguam bijaksana akan menyoal Inspektor Mat Nor supaya fakta itu dimasukkan sebagai keterangan. Bagaimanapun, satu perkara yang berbangkit dalam soal-balas itu ialah bahawa, dalam senarai lokap untuk 19 Jun, tarikh itu tidak ditulis bersetentangan nama tertuduh tetapi ada ditulis bersetentangan nama-nama orang lain dalam senarai itu. Tetapi peguam bijaksana bagi tertuduh tidak menyoal lanjut tentang perkara itu untuk mendedahkan apakah erti sebenarnya disebalik kegagalan itu. Malah, semasa membuat penghujahan, beliau hanya menyatakan bahawa fakta itu membangkitkan keraguan tentang kesukarelaan (voluntariness) pernyataan tertuduh, tetapi saya tidak nampak bagaimana. Anehnya, beliau tidak pun membuat apa-apa saranan bahawa perkara itu membuktikan atau menunjukkan kemungkinan bahawa tertuduh telah dimasukkan ke dalam lokap pada 16 Jun.

Pendapat (finding) tentang fakta

Setelah menimbang segala keterangan yang diberi dalam perbicaraan-dalam-perbicaraan ini, dan hujah yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan peguam yang bijaksana, saya tidak ada sebarang keraguan bahawa waktu dan tarikh bagi kejadian-kejadian yang berkenaan dalam kes ini adalah sebagaimana yang dikatakan oleh saksi-saksi polis. Saya tidak nampak sebarang sebab mengapa sesuatu kesilapan boleh berlaku tentang tarikh atau mengapa pihak polis sengaja memalsukan tarikh. Saya menolak dakwaan tertuduh tentang tarikh sebagai berpunca dari kesilapan ingatan atau sebagai cubaan yang sengaja untuk mengelirukan tarikh untuk menyokong penafiannya tentang pernyataan beramaran yang dikatakan telah dibuat olehnya. Tertuduh mendakwa, semasa disoal-semula, bahawa dia pasti akan tarikh 16 Jun itu sebab, mengikut perhitungannya, dia telah "direman" lima belas hari selepas ditangkap. Tarikh yang dimaksudkan sebagai tarikh tertuduh "direman" tidak ditentukan, tetapi itu tidaklah perlu oleh kerana, biar apapun tarikhnya, cara penentuan tarikh tangkap yang digunakan oleh tertuduh tidaklah dapat diterima untuk membangkitkan kesangsian terhadap tarikh yang ada dalam rekod polis. Adalah terlalu mudah bagi seseorang

itu memilih apa-apa bilangan hari berkaitan dengan sesuatu kejadian untuk menentukan, mengikut keperluan orang itu, tarikh sesuatu kejadian lain. Cara yang serupa juga digunakan oleh isteri tertuduh, yang menyatakan bahawa empat hari selepas suaminya ditangkap, dia telah memotong berita mengenai tangkapan itu yang disiarkan dalam Berita Harian. Keratan akhbar itu telah dikemukakan sebagai barang kes. Saya menerima bahawa laporan akhbar itu telah disiarkan pada 20 Jun 1989, tetapi saya tidak dapat menerima perkiraan empat hari itu, sebagaimana juga saya tidak dapat menerima perkiraan lima belas hari dipihak tertuduh, sebagai betul. Di samping itu, seandainya laporan akhbar itu bolah diterima sebagai keterangan, ia tidak menyokong dakwaan isteri tertuduh oleh kerana ia melaporkan mengenai tangkapan-tangkapan yang dibuat sejak hari Sabtu, iaitu 17 Jun, sedangkan tertuduh dan isterinya mendakwa bahawa tertuduh ditangkap pada hari Jumaat.

Saya mendapati sebagai hakikat atau fakta bahawa tertuduh telah ditangkap pada 18 Jun 1989, jam 11.30 malam, di rumah yang berkenaan dan dibawa balik ke rumah itu pada 19 Jun 1989, jam 1.30 pagi. Tidak dapat tidak saya juga mendapati sebagai hakikat atau fakta bahawa tertuduh telah membuat pernyataan-pernyataan tertentu kepada Inspektor Kamaruddin pada jam 1.30 pagi 19 Jun 1989 dalam hal-hal keadaan sebagaimana yang diceritakan oleh beliau dan bahawa amaran yang dikehendaki oleh undang-undang telah diberi olehnya dan tertuduh telah memahami amaran itu sebelum dia membuat pernyataan-pernyataan itu. Saya juga mendapati sebagai hakikat atau fakta, bukan sahaja berasaskan keterangan saksi-saksi polis tetapi juga atas pengakuan tertuduh sendiri, bahawa tertuduh membuat pernyataan-pernyataan itu tidak kerana apa-apa dorongan, ugutan atau janji dari pihak polis.

Peguam bijaksana bagi tertuduh menegaskan bahawa pernyataan-pernyataan yang dikatakan dibuat oleh tertuduh itu tidak boleh diterima kerana dua sebab: pertama, kerana ianya tidak ditandatangani oleh tertuduh, dan kedua, kerana ianya tidak sukarela (voluntary). Sekarang saya akan mengkaji (consider) undang-undang yang berkaitan dengan dua isu itu.

Kajian undang-undang mengenai keperluan menandatangani pernyataan beramaran

Seksyen 37A telah dimasukkan ke dalam Akta tersebut oleh Akta A293 yang berkuatkuasa pada 30 April 1975. Ia terpakai hanya bagi perbicaraan kesalahan-kesalahan di bawah Akta itu. Peruntukan yang serupa sudahpun wujud pada masa itu dalam s. 75(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan s. 15(1) Akta Pencegah Rasuah 1961 untuk dipakai bagi perbicaraan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang tersebut. Tidak sampai setahun selepas s. 37A dimasukkan ke dalam Akta tersebut, peruntukan yang serupa telah dimasukkan ke dalam Kanun Prosedur Jenayah (CPC) oleh Akta A324 dalam bentuk s.113 yang wujud sekarang, yang berkuatkuasa pada 10 Januari 1976. Peruntukan seperti itu adalah perlu oleh kerana, sebagaimana kata Suffian LP dalam kes *Jayaraman & Ors. lwn. Public Prosecutor* [1982] CLJ (Rep) 130, di m.s. 140, tentang s. 113 CPC yang wujud sekarang:

> before that the general rule was that no statement made by an accused person to a police officer in the course of a police investigation shall be used in evidence, save for the very limited purpose set out in the old s. 113. The new section brings our law into line with the law in England where the prosecution depends in many cases on statements made by an accused person to the police. Until the new provision, a confession by an accused person in police custody was admitted by our Courts only if made to a Magistrate.

Walaupun sudah wujudlah sekarang s. 113 baru CPC yang terpakai bagi semua kesalahan, adalah jelas pada fikiran saya bahawa bagi perbicaraan sesuatu kesalahan di bawah Akta tersebut, jika sesuatu pernyataan itu memenuhi syarat-syarat s. 37A, ia bolehlah diterima sebagai keterangan. Itulah efek keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor lwn. Zakaria bin*

Isa [1978] 2 MLJ 35, iaitu suatu kes berkenaan dengan s. 75(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, di mana, pada pendapat saya, perenggan (2) dalam "headnote" kepada kes itu mencerminkan dengan betulnya efek keputusan itu tentang soal ini. Perenggan itu berbunyi:

> (2) As the Firearms (Increased Penalties) Act is specified in the Second Schedule of the Internal Security Act, the cautioned statement if it satisfied all the necessary conditions would have been admissible under s. 75 of the Internal Security Act; if it satisfied all the necessary conditions in s. 113 of the Criminal Procedure Code, it would have been admissible under that section also.

Bahawasanya s. 37A Akta tersebut boleh terus dipakai untuk menentukan kebolehterimaan pernyataan yang dibuat kepada polis dalam perbicaraan kesalahan-kesalahan di bawah Akta itu adalah disahkan (confirmed) selanjutnya oleh penambahan kepada seksyen itu, oleh Akta A553, satu subs. (3) yang berkuatkuasa pada 15 April 1983 dan berbunyi seperti berikut:

> (3) Where a statement is purported to be made by a person charged with an offence against this Act under and in accordance with s. 113 of the Criminal Procedure Code, the statement so made shall be deemed to have been made under and in accordance with this section.

Pada pendapat saya, tujuan peruntukan itu ialah untuk menyatakan bahawa jika sesuatu pernyataan itu boleh diterima di bawah dan menurut s. 113 CPC, ia boleh juga diterima dalam perbicaraan kesalahan di bawah Akta tersebut, seolah-olah ia boleh diterima di bawah dan menurut s. 37A Akta tersebut. Subseksyen (3) itu tentunya berasaskan anggapan bahawa ada terdapat sesuatu perbezaan di antara s. 113 dan s. 37A tentang syarat-syarat bagi kebolehterimaan sesuatu pernyataan kepada pegawai polis. Ia mengandungi implikasi bahawa apa yang boleh diterima mengikut s. 37A Akta tersebut tetap boleh diterima bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta itu. Efeknya adalah agak serupa dengan apa yang dinyatakan dalam perenggan (2) "headnote" kepada kes *Zakaria bin Isa* yang disebut tadi. Dengan hormat, saya tidak dapat menerima hujah peguam bijaksana bagi tertuduh bahawa subseksyen itu bererti bahawa prinsip-prinsip s. 113 CPC telah diterimapakai untuk s. 37A Akta tersebut, jika dengan hujah itu beliau bermaksud bahawa s. 37A hendaklah ditafsirkan pemakaiannya mengikut bagaimana s. 113 telah ditafsirkan pemakaiannya.

Kaedah utama s. 37A, yang terdapat dalam subs. (1), adalah seperti:

> Where any person is charged with any offence against this Act, any statement, whether such statement amounts to a confession or not or is oral or in writing, made ... by such person to or in the hearing of any police officer of or above the rank of Inspector ... shall, notwithstanding anything to the contrary contained in any written law, be admissible at his trial in evidence.

Sebagaimana kata Suffian LP dalam kes *Jayaraman*, di ms. 141, berkenaan dengan kata-kata yang sebanding dalam s. 113(1) CPC:

> Nothing could be clearer than these statutory words.

Sayugia diperhatikan bahawa s. 37A(1) menekankan bahawa sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang dituduh, untuk boleh diterima sebagai keterangan, boleh berbentuk pernyataan lisan atau pernyataan bertulis. Pernyataan lisan seseorang itu ialah pernyataan yang dilafazkan oleh mulutnya. Cara membuktikan pernyataan lisan ialah dengan memanggil orang yang mendengarnya untuk menyatakan apa yang didengarnya. Pernyataan bertulis seseorang itu ialah suatu dokumen yang mengandungi kata-kata yang ditulis olehnya sendiri atau kata-kata yang bertulis oleh orang lain dan diakui olehnya sebagai kata-katanya dengan menandatangani dokumen itu. Cara membuktikan pernyataan bertulis seseorang itu ialah dengan mengemukakan dokumen itu sendiri dan membuktikan bahawa orang itu telah menulisnya atau menandatanganinya.

Peguam bijaksana bagi tertuduh membantah terhadap kebolehterimaan jawapan-jawapan tertuduh kepada Inspektor Kamaruddin atas alasan bahawa kertas yang mengandungi jawapan-jawapan yang dirakamkan oleh Inspektor Kamaruddin tidak ditandatangani oleh tertuduh. Adalah jelas bahawa bantahannya adalah terhadap kebolehterimaan dokumen yang bertanda IDE 1 itu sebagai pernyataan bertulis yang dibuat oleh tertuduh. Beliau bergantung kepada kes *Abdul Ghani bin Jusoh & Anor. lwn. Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 25. Saya akan membincang kes itu lebih lanjut lagi kemudian, tetapi untuk sekarang adalah memadai saya menyatakan bahawa dalam kes itu telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, berasaskan kehendak s. 112(v) CPC, bahawa sesuatu pernyataan yang dirakamkan menurut s. 113 tidak boleh diterima melainkan ia ditandatangani atau diletakkan cap jari oleh orang yang membuat pernyataan itu. Adalah jelas kepada saya, dari membaca kes itu pada keseluruhannya, bahawa isu dalam kes itu ialah tentang kebolehterimaan, sebagai pernyataan bertulis yang dibuat oleh tertuduh, suatu dokumen yang mengandungi rakaman pernyataan tertuduh yang dibuat oleh pihak polis tetapi tidak ditandatangani oleh tertuduh. Adalah juga diputuskan dalam kes itu bahawa jika ada sebab yang memuaskan kenapa tandatangan tidak diperolehi, pernyataan yang berkenaan harus boleh diterima - iaitu diterima, pada fahaman saya, sebagai pernyataan bertulis yang dibuat oleh tertuduh.

Rakaman pernyataan tertuduh tidak boleh diterima sebagai pernyataan bertulisnya

Jika pihak pendakwaan bertujuan mengemukakan dokumen bertanda IDE 1 itu sebagai pernyataan bertulis yang dibuat oleh tertuduh, saya bersetuju dengan peguam bijaksana bahawa ianya tidak boleh diterima, tetapi bukan kerana sebab-sebab dalam kes *Abdul Ghani bin Jusoh*, yang berasaskan kepada s. 112(v) CPC, tetapi semata-mata kerana, sebagaimana dibayangkan tadi, memandangkan tertuduh tidak menulisnya sendiri atau menandatanganinya, dokumen itu tidaklah boleh dikatakan pernyataan bertulis yang dibuat oleh tertuduh.

Pernyataan tertuduh boleh dikemukakan sebagai pernyataan lisan

Tetapi perkara ini tidak sudah di situ sahaja. Apa yang dipersoalkan dalam kes ini bukanlah pernyataan berbentuk naratif yang dirakam secara formal di pejabat polis setelah tertuduh disoal-siasat, di mana tertuduh menceritakan tentang penglibatan atau peranannya dalam sesuatu kejadian. Dalam kes ini, soalan dan jawapan yang berkenaan telah dikemukakan dan diberi di tempat kejadian sendiri dan dirakamkan secara tidak formal pada masa itu juga di atas sekeping kertas nota. Jawapan-jawapan tertuduh adalah diberi secara spontan kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam masa berjalannya aksyen penyiasatan. Perakaman soalan dan jawapan itu adalah suatu tindakan yang wajar di pihak Inspektor Kamaruddin supaya dia akan ada suatu rekod serta merta bagi soalan dan jawapan itu untuk ingatan.

Faktor-faktor itu memaksa saya menimbang soal pernyataan lisan. Seksyen 37A Akta tersebut dengan jelas membenarkan penerimaan pernyataan lisan. Di peringkat ini pernyataan tertuduh belum lagi diterima sebagai keterangan, sementara menunggu keputusan tentang kebolehterimaannya. Bentuk dalam mana pernyataan itu hendak dikemukakan adalah terserah kepada pihak pendakwaan. Memandangkan keputusan saya bahawa dokumen IDE 1 tidak boleh diterima sebagai pernyataan bertulis yang dibuat oleh tertuduh, jalan masih terbuka kepada pihak pendakwaan, sekiranya bantahan dari segi kesukarelaan (voluntariness) diatasi nanti, untuk membuktikan pernyataan itu sebagai pernyataan lisan yang dibuat oleh tertuduh, dengan cara meminta Inspektor Kamaruddin memberi keterangan tentang soalan-soalan yang kemukakan dan jawapan-jawapan yang diterima, dan mengemukakan dokumen IDE 1 sebagai rekod koroboratif bagi soalan dan jawapan itu. Malah, walaupun Inspektor Kamaruddin tidak menyimpan rekod soalan dan jawapan itu, pada pendapat saya jawapan tertuduh masih boleh diterima sebagai pernyataan lisan berdasarkan kata-kata jelas dalam s. 37A.

Justifikasi bagi membezakan kes Abdul Ghani bin Jusoh dan kes Jayaraman

Dalam membentuk pendapat bahawa dokumen yang mengandungi rakaman pernyataan tertuduh itu tidak boleh diterima sebagai pernyataan bertulis yang dibuat oleh tertuduh oleh kerana tertuduh tidak menulisnya sendiri atau tidak menandatanganinya, saya menyedari akan pandangan Wan Suleiman FJ dalam kes *Abdul Ghani bin Jusoh*, di ms. 27, bahawa:

> It is not too difficult to contemplate exceptional circumstances where a Court may, on being satisfied as to the reason for failure to obtain these marks of authentication, yet allow such statement to be used for the purpose to which s. 112 and s. 113 allow them to be used.

Seandainya saya terikat dengan pandangan itu, maka dalam kes ini saya perlu terlebih dahulu menimbang sama ada terdapat sebab yang mencukupi bagi kegagalan memperolehi tandatangan tertuduh supaya dokumen IDE 1 dapat diterima sebagai pernyataan tertuduh, dan tidaklah terus membuat keputusan ia tidak boleh diterima kerana ia bukan pernyataan bertulis yang dibuat oleh tertuduh.

Dalam membentuk pendapat bahawa keterangan lisan tentang pernyataan tertuduh boleh diterima di bawah s. 37A, saya juga menyedari akan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Jayaraman* bahawa pernyataan lisan boleh diterima sebagai keterangan jika pernyataan itu tidak diturunkan dalam bentuk tulisan, asalkan ada penjelesan yang munasabah bagi kegagalan itu. Seandainya saya terikat dengan keputusan itu, maka saya perlu terlebih dahulu menimbang sama ada kualifikasi yang ditetapkan oleh keputusan itu bagi kebolehterimaan pernyataan lisan terdapat dalam kes ini, dan tidaklah terus membuat keputusan bahawa pernyataan lisan boleh diterima, semata-mata kerana kata-kata jelas s. 37A sahaja.

Berhadapan dengan dua kes Mahkamah Persekutuan itu, maka untuk menjustifikasikan pendapat saya dalam kes ini, saya perlu membincang kes-kes itu dengan lebih lanjut. Kedua-duanya adalah berkenaan dengan pernyataan beramaran di bawah s. 112 dan s. 113 CPC. Setelah mengkaji kedua-dua kes itu, adalah jelas kepada saya bahawa kata-kata jelas s. 113 telah menjadi bermasalah apabila, tidak sampai setahun selepas berkuatkuasanya s. 113 yang wujud sekarang, satu subs. (v) baru telah ditambah kepada s. 112 melalui Akta A365, yang berkuatkuasa pada 29 Oktober 1976. Subseksyen itu berbunyi:

> (v) A statement made by any person under this section whether or not a caution has been administered to him under s. 113(1) shall, whenever possible, be taken down in writing and signed by the person making it or affixed with his thumb print as the case may be, after it has been read to him in the language in which he made it and after he has been given an opportunity to make any corrections he may wish.

Dalam kes *Abdul Ghani bin Jusoh*, Wan Suleiman FJ bermula dengan mengakui, di ms 26, bahawa s. 112, dengan penambahan subs. (v) itu, dan s. 113 "present difficulties of interpretation". Kerumitan pertama ialah untuk menyesuaikan (reconcile) subs. (i) dengan subs. (v), oleh kerana subs. (i) mensyaratkan supaya pegawai polis yang menyoal sesorang itu dalam penyiasatan

> shall reduce into writing any statement made by the person ...,

manakala subs. (v) pula berkata bahawa pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah s. 112 itu

> shall, whenever possible, be taken down in writing and signed by the person ...

Wan Suleiman FJ menyelesaikan percanggahan itu dengan membaca kata-kata "whenever possible" dalam klausa "shall, whenever possible, be taken down in writing and signed ..." sebagai terpakai hanya kepada syarat tandatangan dan tidak kepada syarat menurunkan dalam

bentuk tulisan. Pembacaan cara itu menjadikan subs. (v) berkata, secara konsisten dengan subs. (i), bahawa setiap pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah s. 112 mestilah diturunkan dalam bentuk tulisan, di samping berkata selanjutnya bahawa ia mestilah ditandatangani atau dicapjari oleh orang itu, tetapi hanya "whenever possible".

Di samping pentafsiran itu, terdapat juga dalam kes itu keputusan bahawa s. 112 dan s. 113 mestilah dibaca bersama. Satu faktor yang mungkin mempengaruhi keputusan itu ialah frasa

> whether or not a caution has been administered to him under s. 113(1)

dalam s. 112(v). Di ms.28, Ibrahim Manan FJ berkata:

> the words 'whether or not a caution had been administered to him under s. 113(1)', appearing in s. 112(v) clearly show that the two said sections must in the circumstances of this case be read together.

Pada fahaman saya, akibat keputusan bahawa s. 112 dan s. 113 mestilah dibaca bersama ialah bahawa setiap pernyataan beramaran mestilah, mengikut kehendak s. 112(v), diturunkan dalam bentuk tulisan dan mestilah, dimana mungkin, ditandatangani atau dicapjari.

Oleh kerana subs. (v) s. 112 memerlukan tandatangan atau cap jari dan oleh kerana, menurut keputusan Mahkamah Persekutuan itu, sebagaimana saya memahami akibatnya, pernyataan beramaran, untuk boleh diterima, mestilah juga mematuhi kehendak subs. (v), maka ini bermakna bahwa subs. (v) hendaklah dianggap sebagai bercakap tentang suatu bentuk pernyataan bertulis seseorang, iaitu pernyataan yang dirakamkan oleh pihak polis dan yang menjadi pernyataan orang itu oleh kerana ia menandatanganinya. Tetapi oleh kerana, pada masa yang sama, subs. (v) mengecualikan tandatangan melalui perkataan-perkataan "whenever possible", itulah, pada anggapan saya, sebabnya Wan Suleiman FJ memutuskan bahawa, jika ada penjelasan yang munasabah, pernyataan yang dirakam oleh polis di bawah s. 112 boleh juga diterima sebagai keterangan - pada fahaman saya sebagai pernyataan bertulis yang dibuat oleh orang yang berkenaan - walaupun dia tidak menandatanganinya.

Sambil Wan Suleiman FJ mungkin telah menyesuaikan subs.(i) dengan subs. (v) s. 112, namun cara pembacaannya nampaknya berkemungkinan akan membawa pula kepada percanggahan di antara s. 112 dan s. 113, oleh kerana sekiranya, sebagaimana saya dapat memahami dari keputusan Mahkamah Persekutuan itu, setiap pernyataan beramaran, untuk boleh diterima di bawah s. 113, mestilah juga diturunkan dalam bentuk tulisan mengikut kehendak subs. (v), sebagaimana ditafsirkan oleh Wan Suleiman FJ, maka tidaklah akan ada peluang untuk kebolehterimaan pernyataan lisan, sedangkan s. 113(1) dengan jelasnya membolehkan pernyataan lisan diterima.

Pentafsiran subs. (v) oleh Wan Suleiman FJ dalam kes *Abdul Ghani bin Jusoh* telah dikaji semula oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Jayaraman*, di mana isu yang berbangkit ialah tentang kebolehterimaan pernyataan lisan. Dari membaca kes itu, saya nampak seolah-olah Mahkamah Persekutuan bimbang akan akibat pentafsiran subs. (v) oleh Wan Suleiman FJ dalam kes *Abdul Ghani bin Jusoh* terhadap kebolehterimaan pernyataan lisan menurut s. 113(1). Dalam kes itu, Suffian LP, yang menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan, berkata:

> "In our judgment such a statement" - iaitu pernyataan lisan - "is admissible because of the words 'whenever possible' in subs. (v) of s. 112. With respect to Wan Suleiman FJ, in *Abdul Ghani bin Jusoh*, in our view these words govern not only the words 'and signed by the person making it or affixed with his thumbprint as the case may be', but also the words immediately preceding them, namely 'be taken down in writing' - so that in our view though there is an obligation on the Inspector or whoever recorded the accused's statement to reduce

a it into writing, failure to do so, if there is a reasonable explanation for such failure, does not by itself render it inadmissible. So to hold is to harmonize the seemingly conflicting provision in this subs. (v) of s. 112 and subs. (1) of s. 113; and to hold otherwise would be to render nugatory the clear provision in the latter subsection.

Secara sambilan, saya ingin menambah bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan itu, sambil ianya menyelaraskan s. 112(v) dengan s. 113(1), menghidupkan balik soal percanggahan di b antara subs. (i) dan subs. (v) s. 112 yang cuba hendak diselaraskan oleh Wan Suleiman FJ dalam kes *Abdul Ghani bin Jusoh*.

Dalam kes *Jayaraman*, Suffian LP berkata seterusnya dalam perenggan yang berikutnya:

Thus, in our judgment, the answer to the third question is that an oral statement made by a person before his arrest to a police officer of or above the rank of Inspector can be admitted c as evidence against him where the statement has not been reduced into writing, provided there is a reasonable explanation for the failure.

Saya menganggap kes *Jayaraman* sebagai menghapuskan ancaman kes *Abdul Ghani bin Jusoh* terhadap kata-kata jelas s. 113(1) tentang kebolehterimaan pernyataan lisan, tetapi tidaklah sepenuhnya, oleh kerana Suffian LP, disebabkan kata-kata "whenever possible" dalam s. 112(v), terpaksa memasukkan kualifikasi bahawa pernyataan lisan hanya boleh diterima, d bukan "as a matter of course", sebagaimana pembaca biasa dapat memahami dari kata-kata jelas s. 113(1), tetapi hanya jika ada penjelasan yang munasabah bagi kegagalan merekodkan pernyataan itu dalam bentuk tulisan.

Saya telah cuba menunjukkan bahawa, pada fahaman saya, adalah semata-mata kerana subs. (v) s. 112 yang kes *Abdul Ghani bin Jusoh* melahirkan keputusan, sebagaimana saya e memahaminya, bahawa pernyataan beramaran yang dirakamkan oleh pihak polis boleh juga diterima sebagai pernyataan bertulis yang dibuat oleh seseorang walaupun dia tidak menandatanganinya, asalkan ada penjelasan yang cukup mengapa tidak, dan kes *Jayaraman* menghasilkan keputusan bahawa pernyataan lisan boleh diterima tetapi dengan syarat bahawa mestilah ada penjelasan yang munasabah mengapa ianya tidak diturunkan dalam bentuk tulisan.

f Tetapi pada pendapat saya, subs. (v) itu dan kes-kes tersebut tentang pentafsirannya tidak menjejaskan s. 37A Akta tersebut. Seksyen 37A mengandungi kata-kata yang tidak terdapat dalam s. 113, iaitu,

notwithstanding anything to the contrary contained in any written law.

Ini bererti, pada fahaman saya, bahawa s. 37A hendaklah ditafsirkan mengikut terma-termanya g sendiri, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana undang-undang lain atau, khususnya, oleh mana-mana peruntukan dalam CPC. Ini termasuklah subs. (v) s. 112, walaupun subseksyen itu wujud selepas s. 37A. Apabila mengkanunkan subs. (v) itu Parlimen hendaklah dianggap sebagai sedia menyedari akan wujudnya s. 37A dan klausa "notwithstanding" itu, tetapi Parlimen tidak membuat apa-apa perubahan kepada s. 37A. Tambahan pula, subs. (v) itu hanya membuat rujukan kepada amaran (caution) di bawah s. 113(1) dan tidak kepada amaran di bawah h s. 37A juga.

Kesukarelaan: penilaian kes Mohamed Yusof dari segi proviso (a) (i) kepada s. 113(1) CPC

Tentang soal kesukarelaan (voluntariness), peguam bijaksana bagi tertuduh menyebut kes *Mohamed Yusof lwn. Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 167, suatu kes rayuan, di mana, di i ms. 169, Syed Agil Barakbah J berkata:

Threat or inducement need not only be made by direct means. It is sufficient by an indirect approach e.g. from the mannerism of speech or conduct of the person in authority and the Court is satisfied from the facts and surrounding circumstances that its effect in the mind of the accused is that he has to make a statement whether he likes it or not. In the circumstances the caution that is administered loses its efficacy and the whole purpose and intention of the provision is thereby defeated.

Peguam bijaksana bagi tertuduh kemudiannya telah menarik perhatian Mahkamah kepada hal-hal keadaan dalam mana tertuduh dikatakan telah membuat pernyataan-pernyataan yang berkenaan, iaitu, tertuduh telah ditangkap hampir tengah malam, telah dibawa ke Pejabat Cawangan Anti Dadah dan telah dibawa balik ke rumah yang berkenaan pada jam 1.30 pagi. Dia berada dalam keadaan bergari bersama dengan empat orang pegawai polis sahaja, tanpa ada orang-orang lain seperti jiran atau ahli keluarganya.

Apa yang pasti akan disangka peguam yang akan menghujahkan daripada kes *Mohamed Yusof* itu dan hal-hal keadaan tersebut ialah bahawa tertuduh tidak membuat pernyataan itu dengan sukarela oleh kerana hal-hal keadaan tersebut adalah menindas (oppressive), iaitu membuat tertuduh berasa dia mesti membuat pernyataan itu sama ada dia suka atau tidak. Tetapi sudah tentu peguam tidak dapat berhujah sedemikian oleh kerana tertuduh telah menafikan pernah membuat pernyataan itu. Andaikata pembuatan pernyataan itu tidak dinafikan, tetapi kesukarelaannya sahaja dipertikaikan, mungkin tertuduh sendiri akan berkata, sebagai orang yang paling mengetahui mengenainya, apakah kesan hal-hal keadaan itu pada akalnya. Tetapi sebaliknya, dalam keterangannya, tertuduh tidak membuat apa-apa sungutan pun tentang cara pihak polis memperlakukannya. Kesudahannya, peguam bijaksana tidak menyimpul hujahnya dengan cara demikian, tetapi telah hanya menarik perhatian Mahkamah kepada hakikat bahawa tertuduh menafikan membuat pernyataan itu.

Walaupun, oleh kerana tertuduh menafikan membuat pernyataan itu, tidaklah dapat dihujahkan bagi pihaknya bahawa hal-hal keadaan yang terdapat pada masa itu memaksanya membuat pernyataan itu, tetapi, oleh kerana saya sudah mendapati sebagai hakikat bahawa dia telah membuat pernyataan itu, saya sewajarnyalah menimbang juga sama ada, dari segi kesukarelaan, terdapat apa-apa sebab di sisi undang-undang mengapa hal-hal keadaan dalam mana pernyataan itu dibuat boleh menjadikannya tidak boleh diterima. Setakat ini saya sudah mendapati juga bahawa amaran yang dikehendaki oleh proviso (b) kepada s. 37A(1) sudah diberi, dijelaskan dan difahami dan bahawa pernyataan tertuduh tidak disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji.

Kes *Mohamed Yusof* ialah kes mengenai pernyataan formal yang dirakamkan di pejabat polis. Tertuduh dalam kes itu telah mengakui bahawa pegawai perakam tidak membuat apa-apa dorongan, ugutan atau janji kepadanya. Tetapi oleh kerana hal-hal keadaan lain, Syed Agil Barakbah J memutuskan bahawa pernyataan tertuduh telah silap diterima. Hal-hal keadaan itu adalah seperti berikut. Pada hari sebelum pernyataan itu dirakamkan, pegawai perakam telah pun cuba merakamkan pernyataan tertuduh, kerana mempercayai bahawa kebenaran akan terkeluar pada masa itu, tetapi telah gagal kerana tertuduh menjadi sangat sedih. Maka tertuduh telah dihantar balik ke lokapnya. Pada hari berikutnya, pegawai perakam berazam akan merakamkan pernyataan tertuduh walaupun tertuduh sendiri tidak berkata dia hendak membuat pernyataan. Maka tertuduh telah dibawa menghadapi pegawai perakam sekali lagi. Tertuduh berada seorang diri sahaja dengan pegawai itu dalam pejabatnya. Pegawai itu bercakap dengan suara kasar dan kelihatan marah kerana mukanya merah. Amaran telah diberi, tetapi tertuduh menegaskan bahawa pada masa itu dia tidak hendak membuat pernyataan. Pada masa pegawai perakam cuba membuat rakaman pada kali pertama, dia tidak memberi apa-apa amaran kepada

tertuduh. Hakim yang arif dalam kes itu nampaknya mendapati bahawa kesan hal-hal keadaan itu pada akal tertuduh ialah bahawa dia terpaksa membuat pernyataan sama ada dia suka atau tidak. Hakim yang arif berpendapat bahawa pernyataan itu hendaklah dipandang "with great suspicion" dan tidak sepatutnya diterima sebagai sukarela.

Setelah saya membaca pada keseluruhannya penghakiman tentang soal kesukarelaan dalam kes itu, seolah-olahnya ternampak sebab mengapa Syed Agil Barakbah J. mendapati pernyataan tertuduh telah salah diterima ialah kerana, daripada hal-hal keadaan kes itu, Mahkamah Sesyen yang berkenaan sepatutnya memutuskan pernyataan itu tidak dibuat dengan sukarela kerana adanya sesuatu dorongan, ugutan atau janji sebagaimana diperihalkan oleh proviso (a)(i) kepada s. 113(1) CPC, yang, secara material, adalah bersamaan dengan proviso (a) kepada s. 37A(1) Akta tersebut. Adalah perlu diingati bahawa, menurut proviso itu, dorongan, ugutan atau janji yang mampu menghalang kebolehterimaan sesuatu pernyataan mestilah dorongan, ugutan atau janji

> having reference to the charge proceeding from a person in authority and sufficient in the opinion of the Court to give the person charged grounds which would appear to him reasonable for supposing that by making it he would gain any advantage or avoid any evil of a temporal nature in reference to the proceeding against him.

Proviso itu menggunakan kata-kata yang, secara material, adalah sama seperti yang terdapat dalam s. 24 Akta Keterangan 1950. Di ms. 256 buku *Sarkar on Evidence*, Edisi Catatan Semula 1990, ada disebut bahawa:

> Every threat, inducement or promise even emanating from the person in authority is not hit by s. 24. In order to attract the bar, it should be such as to lead the accused to suppose that 'by making it he would gain any advantage or avoid any evil of any temporal nature in reference to the proceedings against him' ... What is important is that the mere existence of threat & c is not enough, but in the Court's opinion the said threat & c shall be sufficient to cause a reasonable belief in the mind of the accused that by confessing he would get an advantage & c

Enam baris kemudian di muka yang sama ada disebut bahawa:

> A promise or threat, must reasonably imply that the prisoner's position with reference thereto will be rendered better or worse according as he does or does not confess.

Di ms. 265 pula ada disebut bahawa:

> The inducement must have reference to escape from the charge ... It may be laid down as a general rule that in order to exclude a confession, the inducement, whether it assumes the shape of a promise, a threat, or a mere advice, must **relate to the actual charge**, and be such as is calculated to influence the prisoner's mind with respect to his escape from the charge.

Dalam kes *Mohamed Yusof*, tertuduh mungkin terasa terancam oleh sikap dan tingkahlaku pegawai perakam, lalu takut hendak enggan membuat pernyataan, tetapi dengan hormatnya saya tidak nampak bagaimana, daripada hal-hal keadaan pada masa itu, boleh dianggarkan akan ternampak kepada Mahkamah bahawa, dengan membuat pernyataan itu, tertuduh menyangka dia akan mendapat manfaat yang dimaksudkan oleh proviso itu.

Saya mengakui bahawa penggunaan perkataan "appears" dalam proviso itu bermakna, sebagaimana dikatakan oleh Syed Agil Barakbah J, bahawa standard pembuktian adalah dilonggarkan, tetapi pelonggaran standard pembuktian tidak bererti mengubah sifat (nature) perkara yang hendak dibuktikan itu. Walaupun syak sahaja adalah memadai untuk menolak sesuatu pernyataan berasaskan proviso itu, tetapi ia mestilah syak bahawa pernyataan yang

dibuat mungkin telah disebabkan oleh dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan oleh proviso itu, dan tidak hanya apa-apa dorongan, ugutan atau janji sahaja. Di ms. 238 buku *Sarkar on Evidence* tersebut adalah dikatakan seperti berikut:

> All that is meant is that as 'proof' of inducement or threat is difficult or in many cases impossible of attainment at that stage and in a matter of this nature, the discretion of the Court is unfettered by the concrete standard of proof which is necessary in other cases. The Court is free to form its conviction from a scrunity of the evidence and surrounding circumstances, even if the basis of such a conviction be not what is strictly called 'proof'. In forming its opinion, the Court is to determine the absence or presence of inducement, promise, & c or its sufficiency and how or in what measure it worked on the mind of the accused. If the inducement, promise or threat is 'sufficient in the opinion of the Court, to give the accused person grounds which would appear to him reasonable for supposing that by making it he would gain any advantage or avoid any evil & c it, is enough to exclude the confession.

Dalam kes *Mohamed Yusof*, Hakim yang arif berkata di ms. 169, sehubungan dengan penggunaan perkataan "appears":

> A well-grounded suspicion based on the facts and surrounding circumstances may exclude a confession,

tetapi beliau tidak menyatakan dengan khususnya bahawa hal-hal keadaan yang terdapat dalam kes itu dapat membangkitkan syak bahawa, dengan membuat pernyataan itu, tertuduh menyangka "he would gain any advantage or avoid any evil of a temporal nature in reference to the proceeding against him."

Sebagaimana saya katakan tadi, saya tidak nampak bagaimana boleh disangka yang tertuduh akan menyangka sedemikian.

Kesukarelaan: Penilaian kes Mohamed Yusof dari segi proviso (a)(ii) kepada s. 113(1) CPC

Saya lebih berasa senang sekiranya penolakan pernyataan tertuduh dalam kes *Mohamed Yusof* itu tidaklah berasaskan kepada proviso (a)(i), tetapi berasaskan kepada proviso (a)(ii), yang bersamaan dengan proviso (b) kepada s. 37A(1) Akta tersebut. Proviso itu mensyaratkan amaran (caution). Ada kemungkinan Syed Agil Barakbah J bergantung juga kepada proviso (a)(ii) itu, memandangkan bahawa, dalam petikan dari ms. 169 yang telah dibaca tadi, beliau menyebut tentang tertuduh berasa dia kena membuat pernyataan sama ada dia suka atau tidak dan tentang amaran yang diberikan hilang mujarabnya. Saya berpendapat bahawa, jika hal-hal keadaan yang terdapat dalam sesuatu kes tidak berkemungkinan menunjukkan dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan oleh proviso (a)(i), tetapi namun begitu adalah menindas (oppressive) juga secara lain, soal kebolehterimaan mestilah dihubungkan dengan proviso (a)(ii). Sebabnya saya berpendapat begitu adalah seperti berikut.

Jika pernyataan yang dibuat oleh seseorang tertuduh kepada pegawai polis hendak dijadikan boleh diterima, adalah perlu memastikan, jika tertuduh itu telah ditangkap dan berada dalam tangan polis, bahawa pernyataan itu tidak diperas secara paksaan atau tekanan. Untuk memberi jaminan itu, undang-undang perlulah mensyaratkan bahawa, untuk membolehkan pernyataan itu menjadi boleh diterima, tertuduh itu mestilah diberitahu terlebih dahulu bahawa dia tidak diwajibkan berkata apa-apa atau menjawab apa-apa soalan. Setelah diberitahu demikian, tidaklah boleh dilakukan apa-apa untuk mendesaknya supaya berkata apa-apa. Tidak ada gunanya memberi jaminan itu sekiranya, selepas itu, dia diseksa atau didesak hinggakan dia berasa dia tidak akan aman melainkan dia berkata sesuatu. Berdasarkan pertimbangan itu, kata-kata amaran sebagaimana yang diperuntukkan dalam proviso (a)(ii) sewajarnyalah membawa

implikasi bahawa apa-apa pernyataan yang diperolehi secara menyalahi jaminan amaran itu, iaitu hasil daripada tertuduh dibuat berasa berwajib berkata sesuatu, tidaklah boleh diterima. Sama ada sesuatu pernyataan itu telah diperas secara begitu mestilah ditimbang mengikut hal-hal keadaan tertentu sesuatu kes. Hal-hal keadaan yang menindas lebih mudah terdapat dalam sesuatu kes di mana tertuduh membuat pernyataan formal dan terperinci di pejabat polis daripada kes dimana, sebagaimana dalam kes ini, dia membuat pernyataan dalam menjawab soalan-soalan tertentu di tempat kejadian semasa berjalannya aksyen penyiasatan.

Bagaimanapun, pada pendapat saya, perlindungan yang diberi oleh kata-kata amaran itu tidaklah sebegitu mutlak hinggakan meliputi kes-kes dimana seseorang itu membuat pernyataan semasa berada dalam keadaan fikiran yang lemah. Tidak ada sesiapa pun yang melakukan kesalahan, sekiranya dia mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas tubuh badan dan akalnya, yang sanggup melafazkan sesuatu yang akan menyakiti dirinya sendiri, kecuali dia dipaksa berbuat demikian atau dia sebenarnya kesal dan hendak bertaubat. Tetapi sifat manusia adalah sebegitu, maka dengan sesetengah orang - lebih-lebih lagi jika mereka bukan penjenayah berpengalaman - jika mereka mempunyai fikiran salah (guilty mind), dan mereka disoal pula oleh polis, mereka hilang ketabahan dan akan memberi sesuatu jawapan walaupun mereka ketahui bahawa mereka tidak diwajibkan berkata apa-apa. Saya tidak fikir bahawa dalam hal keadaan seperti itu boleh dikatakan bahawa jawapan itu telah diperas dengan cara yang hendak dicegah oleh kata-kata amaran itu. Untuk menjadikan jawapan itu tidak boleh diterima atas alasan itu, mestilah ada sesuatu bentuk tekanan yang datang daripada pihak polis.

Saya dapat membezakan hal-hal keadaan dalam kes ini daripada apa yang terdapat dalam kes *Mohamed Yusof*, di mana mungkin kelihatan bahawa tertuduh mungkin berada di bawah tekanan daripada pegawai perakam untuk membuat pernyataannya. Dalam hal-hal keadaan kes ini, tidak terdapat apa-apa tekanan seperti itu. Hakikat bahawa tertuduh berada dalam keadaan bergari bersama dengan pegawai-pegawai polis sahaja adalah tidak memadai sebagai hal-hal keadaan yang menghampakan jaminan yang diberi oleh kata-kata amaran itu. Oleh itu, pernyataan tertuduh dalam kes ini tidak juga boleh ditolak atas alasan proviso (a)(ii) itu atau proviso (b) kepada s. 37A(1) Akta tersebut.

Kesukarelaan: sekiranya tertuduh bergari dan pegawai yang menerima pernyataan mengetahui latarbelakang kes - ditinjau atas kes Mohd. Fuzi bin Wan Teh

Selepas Mahkamah ditangguhkan pada akhir perbicaraan-dalam-perbicaraan ini, saya mendapat tahu tentang kes *Public Prosecutor lwn. Mohd. Fuzi b. Wan Teh & Anor*. [1989] 2 CLJ (Rep) 341 yang diputuskan oleh Shaik Daud J. Itu adalah suatu kes, tidak seperti kes ini, di mana tertuduh pertama, di pejabat polis, telah menandatangani suatu pernyataan yang dirakamkan oleh seorang Inspektor polis. Semasa membuat pernyataannya tertuduh berada dalam keadaan bergari. Saya perlu menimbang kes itu oleh kerana tertuduh dalam kes ini berada dalam keadaan bergari semasa membuat pernyataannya. Hakim yang arif itu berpendapat bahawa menggarikan tertuduh adalah suatu bentuk sekatan yang sepatutnya dianggap sebagai penindasan (oppression) yang cukup untuk menjadikan pernyataan tertuduh tidak sukarela (involuntary). Beliau juga berpendapat bahawa adalah sangat-sangat tidak diingini sekiranya seseorang pegawai yang merakamkan sesuatu pernyataan beramaran menyedari tentang latarbelakang kes itu oleh kerana ini akan menjejaskan objektivitinya. Hakim yang arif itu menyamakan perakaman pernyataan beramaran di bawah s. 37A Akta tersebut atau s. 113 CPC dengan perakaman pengakuan salah (confession) di bawah s. 24 Akta Keterangan 1950. Dengan hormatnya, pada pandangan saya tujuan ss. 37A dan 113 itu akan kecewa sekiranya syarat-syarat pemakaiannya disamakan dengan syarat-syarat bagi

merakamkan pengakuan salah. Perakaman sesuatu pengakuan salah sebenarnya diperuntukkan oleh s. 115 CPC. Ia adalah suatu tindakan kehakiman yang serius (solemn). Majistret yang berkenaan mestilah mempercayai bahawa pengakuan salah itu dibuat dengan sukarela; jika tidak, dia ditegah sama sekali merakamkan pengakuan salah itu, dan tidak akan timbul pun soal sama ada ianya boleh diterima atau tidak mengikut s. 24 Akta Keterangan 1950. Patut diperhatikan bahawa perkataan dalam s. 115(iii) CPC adalah "voluntarily", yang saya percaya mempunyai erti yang luas yang tidak terhad kepada ketiadaan dorongan, ugutan atau janji seperti yang diperihalkan dalam s. 24 Akta Keterangan 1950, di mana - seperti juga dalam s. 113 CPC dan s. 37A Akta tersebut - perkataan itu tidak digunakan. Oleh kerana itu, perkara-perkara yang seseorang Majistret perlu menyelidiki sebelum dia dapat mempercayai tentang kesukarelaan, sebagaimana disyaratkan oleh s. 115(iii), adalah begitu remeh sekali hinggakan bolehlah dikatakan seolah-olahnya seseorang Majistret yang cermat akan merekodkan pengakuan salah hanya jika orang yang berkenaan adalah seorang yang benar-benar kesal, yang hanya ingin membersihkan jiwanya.

Tetapi dalam perjalanan sesuatu penyiasatan polis, orang-orang yang disyaki pernah berkata sesuatu atau menjawab soalan-soalan atau membuat pernyataan formal yang didapati berguna untuk membuktikan tuduhan terhadap mereka. Pernyataan seperti itu mungkin diperolehi melalui kebijaksanaan menggunakan teknik penyiasatan, yang tidak semestinya menindas, atau semata-mata secara kebetulan (by chance). Adalah dengan tujuan untuk menjadikan pernyataan seperti itu boleh diterima yang, pada pendapat saya, s. 113 CPC dan s. 37A Akta tersebut telah diwujudkan. Seksyen-seksyen itu tidak hanya memandang kepada pernyataan-pernyataan formal yang dirakamkan oleh pihak polis di pejabat polis dan ditandatangani oleh tertuduh tetapi - mungkin lebih penting lagi - kepada pernyataan lisan yang diberikan secara spontan, di tempat kejadian misalnya, kepada pegawai-pegawai polis yang terlibat dalam penyiasatan, dalam masa berlalunya aksyen penyiasatan. Pernyataan-pernyataan itu tidak semestinya berupa pengakuan salah yang membuat pendedahan terperinci, tetapi mungkin hanya cebisan-cebisan yang mungkin menunjukkan ke arah, misalnya, perasaan bersalah (guilty mind). Seksyen-seksyen itu akan gagal mencapai tujuan sedemikian sekiranya kebolehterimaan pernyataan-pernyataan di bawahnya adalah tertakhluk kepada syarat-syarat yang sama seperti yang perlu untuk membenarkan Majistret merakamkan pengakuan salah di bawah s. 115(iii). Dalam hal sesuatu pernyataan formal yang dirakamkan oleh seseorang pegawai polis di pejabat polis, sebagaimana dalam kes *Mohd Fuzi b. Wan Teh*, mungkin adalah realistik dan praktikal - tanpa mengira dulu soal kewajaran dari segi undang-undang - untuk mensyaratkan bahawa pegawai perakam mestilah pegawai polis yang bebas, yang tidak terlibat dalam penyiasatan atau yang tidak mengetahui latar belakang kes, dan bahawa tertuduh mestilah tidak digari. Tetapi jika direnungkan bahawa s. 113 dan s. 37A itu, dengan kata-kata yang jelas, membenarkan penerimaan pernyataan yang dibuat kepada atau dalam pendengaran seseorang pegawai polis, walaupun tertuduh berada dalam penguasaan polis, walaupun pernyataan itu merupakan pengakuan salah, walaupun ia dibuat dalam perjalanan penyiasatan polis, walaupun ia dibuat dalam menjawab soalan-soalan - dan jika diterima pula bahawa, untuk menjadi berkesan, seksyen-seksyen itu sepatutnya berupaya membenarkan penerimaan pernyataan lisan yang dibuat di tempat kejadian misalnya, semasa berjalannya aksyen penyiasatan - maka akan ternampaklah bahawa mengenakan syarat-syarat sedemikian adalah tidak realistik dan praktikal, oleh kerana, dalam keadaan sedemikian, adalah kepada pegawai polis yang terlibat secara aktif dalam penyiasatan sahaja yang pernyataan mungkin dibuat dan adalah mungkin perlu meletakkan orang yang berkenaan dalam keadaan bergari. Walaubagaimanapun, hal-hal keadaan pembuatan sesuatu pernyataan kepada polis oleh seseorang yang berada dalam penguasaan polis, sama ada pernyataan itu dibuat di pejabat polis atau di tempat lain, tidak mungkin

sama sekali dapat menjadi sama seperti hal-hal keadaan yang dikehendaki untuk membolehkan Majistret merakamkan pengakuan salah, oleh kerana, dalam hal pengakuan salah, orang itu berada dalam suasana kehakiman yang menyenangkan, sedangkan, dalam hal pernyataan kepada polis, suasananya tetap suasana kepolisian. Pegawai polis tetap pegawai polis juga dan adalah agak keterlaluan jika diharapkan bahawa, untuk merakamkan sesuatu pernyataan dalam sesuatu kes tertentu, akan terdapat seorang pegawai polis yang, untuk kes itu sahaja, boleh diterima dari pandangan luar sebagai sama objektif dan sama terpisah (detached) seperti seorang Majistret.

Kesukarelaan: sekiranya pegawai yang menerima pernyataan terlibat aktif dalam penyiasatan - ditinjau atas kes Lee Look

Saya juga telah mengkaji penghakiman Gunn Chit Tuan J (sebagaimana beliau pada masa itu) dalam kes rayuan *Lee Look lwn. Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 240. Dalam kes itu pernyataan beramaran yang berkenaan telah dirakamkan oleh seorang pegawai yang terlibat secara aktif dalam penyiasatan kes itu. Saya menganggap bahawa pegawai itu mestilah pegawai polis berpangkat Inspektor atau lebih oleh kerana itulah satu-satunya syarat bagi kebolehterimaan pernyataan beramaran dan tidak berbangkit apa-apa isu dalam kes itu tentang soal itu. Saya perlu menimbang kes itu oleh kerana pegawai yang menerima pernyataan beramaran tertuduh dalam kes ini terlibat secara aktif dalam penyiasatan. Berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan (Court of Appeal) dalam kes *Cheong See Leong lwn. Public Prosecutor* [1948-49] MLJ Supp.56, Hakim yang arif itu telah memutuskan bahawa Mahkamah Sesyen sepatutnya memutuskan pernyataan itu tidak boleh diterima.

Kes *Cheong See Leong* itu adalah berkenaan dengan suatu pernyataan yang dirakamkan oleh seorang pegawai polis, dan undang-undang yang berkenaan ialah peraturan 33 Peraturan-peraturan Darurat 1948, yang mana, menurut Suffian LP dalam kes *Zakaria bin Isa*, adalah "the common ancestor" bagi peruntukan-peruntukan mengenai pernyataan beramaran yang terdapat pada masa ini. Di bawah peraturan 33 itu, sebagaimana dalam peruntukan-peruntukan yang wujud sekarang, pegawai yang diberi amanah bagi kebolehterimaan pernyataan-pernyataan adalah pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih, tentang mana Wan Suleiman FJ berkata dalam kes *Abdul Ghani bin Jusoh*, di ms. 27:

> Here again having in mind the need to strike a balance between the necessity of entrusting our police with powers of recording statements admissible in evidence in the interest of bringing wrongdoers speedily to book, and the equally important need to ensure that such powers are not misused, the legislature saw fit to insert a safeguard by requiring that the recording of such statements be confined to experienced officers only. That, it seems to me, is why s. 113 gives the power specifically to officers of the rank of Inspector and above, officers who are or should be familiar with the intricacies of police work and with the niceties of penal law, criminal procedure and evidence.

Dalam kes *Cheong See Leong* itu, Inspektor perakam adalah seorang Melayu. Tertuduh membuat pernyataan dalam bahasa Hakka. Pernyataan itu telah diterjemahkan oleh seorang Detektif Sarjan yang mengetuai penyiasatan itu ke dalam bahasa Melayu dan Inspektor itu merakamkannya dalam bahasa Inggeris.

Perlu diperhatikan bahawa, tidak seperti Inspektor perakam itu, Detektif Sarjan itu tidak mempunyai apa-apa peranan yang diiktiraf oleh statut pada masa itu dalam merakam sesuatu pernyataan beramaran. Isu yang berbangkit dalam kes itu ialah sama ada, dalam hal-hal keadaan kes itu, pernyataan itu telah dibuat "to or in the hearing of" Inspektor itu. Setelah memutuskan bahawa ianya tidak dibuat "in the hearing of" Inspektor itu oleh kerana dia tidak memahami kata-kata tertuduh atau menghafalnya dalam bahasa asalnya, Mahkamah telah menimbang pula sama ada ianya telah dibuat kepada Inspektor itu.

Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa sesuatu pernyataan yang diterjemahkan oleh penterjemah yang bebas kepada seseorang Inspektor adalah pernyataan yang dibuat kepada Inspektor itu, oleh kerana dalam keadaan itu penterjemah itu adalah semata-mata suatu "conduit-pipe". Tetapi, jika penterjemah itu mempunyai kepentingan dalam kes itu, dia mungkin terdedah kepada godaan untuk memperbaiki atau mempersolekkan kes itu, dan, oleh kerana itu, tiada apa-apa kepercayaan boleh diletakkan pada ketepatan pernyataan itu. Mahkamah Rayuan tidak menjelaskan bagaimana keraguan tentang ketepatan pernyataan itu ada kaitan lojik dengan soal sama ada ianya dibuat kepada Inspektor itu, tetapi saya percaya lojiknya adalah begini. Oleh kerana paip saluran yang melaluinya pernyataan itu hendak disampaikan kepada Inspektor itu tidak boleh diharapkan, ia gagal mencapai kegunaannya sebagai paip saluran, seolah-olah ia tidak berfungsi. Dengan tidak befungsinya paip saluran itu, tidak ada apa-apa pernyataan boleh dikatakan telah dibuat kepada Inspektor itu. Saya patut mencelahkan di sini bahawa efek keputusan itu telah dinegatifkan dengan pindaan kepada peraturan 33 tersebut. Sila lihat kata-kata Suffian LP dalam kes *Zakaria bin Isa*, di ms. 36.

Adalah untuk mencapai keputusan tentang nilai penterjemah itu sebagai paip saluran bagi maksud memutuskan soal teknikal sama ada pernyataan itu boleh dikatakan telah dibuat kepada Inspektor perakam itu, yang Mahkamah Rayuan menggunakan prinsip pegawai-pegawai kehakiman dikehendaki bebas daripada berat sebelah (bias). Tetapi bagi diri saya, saya harus berwaspada tentang memperluaskan penggunaan sesuatu prinsip yang telah digunakan untuk memutuskan sesuatu isu tertentu, untuk memutuskan sesuatu isu lain, lebih-lebih lagi jika akibatnya ialah menyempitkan apa yang jelas dapat ditanggap, dengan melihat keadaan mengikut perspektif yang betul, sebagai maksud atau hasrat sebenar sesuatu peruntukan statut. Dalam kes *Lee Look* itu, prinsip itu telah diperluaskan kepada pegawai perakam sendiri, yang berpangkat Inspektor atau lebih, walaupun tidak berbangkit soal sama ada pernyataan itu telah dibuat "to or in the hearing of" Inspektor itu dan walaupun dia telah memahaminya. Oleh kerana pegawai itu telah terlibat dalam penyiasatan kes itu, dia telah disamakan dengan Detektif Sarjan dalam kes *Cheong See Leong* sebagai seorang yang diragui boleh diharapkan. Tetapi saya tidak tergamak membuat penyamaan begitu atas dua sebab. Pertama, Parlimen telah mengiktirafkan pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih sebagai pegawai yang layak dan beramanah dalam hal pernyataan beramaran. Jika dia hendak dikatakan tidak boleh dipercayai, dia mestilah dibuktikan demikian sebagai suatu hakikat atas sebab-sebab tertentu, dan tidak secara teori semata-mata atas alasan bahawa dia terlibat dalam kes itu. Malah dalam hal Detektif Sarjan itupun, Hakim perbicaraan telah berkata:

> I have no reason other than a purely theoretical one for doubting the good faith of the detective sergeant.

Sebab yang kedua ialah bahawa penyamaan begitu akan membuat peruntukan statut tentang pernyataan beramaran gagal memenuhi kegunaan yang, pada fikiran saya, ianya telah dikanun untuk memenuhi.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, atas sebab-sebab yang diberikan tadi, saya memutuskan bahawa dokumen IDE 1 tidak boleh diterima sebagai pernyataan yang dibuat oleh tertuduh secara bertulis, tetapi pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh tertuduh boleh diterima sebagai pernyataan-pernyataan lisan dan dokumen IDE 1 boleh dimasukkan sebagai barang kes untuk menyokong (corroborate) pernyataan-pernyataan lisan itu.

Also found at [1991] 3 CLJ 2440